

11 NOV 1996

PM AKAN MENYAKSIKAN PELANCARAN MEASAT II DI KOUROU

Oleh: Azman Ujang

PARIS, 11 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan tetap menyaksikan pelancaran Measat II di Kourou Khamis ini (waktu Malaysia) walaupun beliau telah dinasihatkan membatalkannya kerana tunjuk perasaan besar-besaran pekerja dan pelajar yang dijangka berlaku di Cayenne, ibu negara French Guiana.

Ini telah disahkan oleh pegawai-pegawai Arianespace di sini selepas satu perbincangan dengan Kementerian Luar Malaysia.

Kumpulan media Malaysia yang akan membuat liputan pelancaran itu berlepas ke Kourou hari ini selepas menanggungnya sebelum ini.

Semalam, ketua pegawai operasi Arianespace, Francis Avansi berkata kerajaan Perancis telah menasihati Perdana Menteri supaya menyaksikan pelancaran itu dari Paris berikutan dengan rusuhan pekerja dan pelajar di Cayenne membantah keadaan buruk sekolah-sekolah.

Ini ialah untuk mengelak masalah yang akan timbul akibat dari gangguan bekalan elektrik yang mungkin akan berlaku.

Kerajaan Perancis juga sebeum ini menasihati media Malaysia supaya tidak pergi ke Kourou. -- BERNAMA

AU WAT